

SULIT



**JABATAN PELAJARAN
NEGERI JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
EKONOMI ASAS**

3757/2

**Kertas 2
Sept. / Okt.
2 jam**

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab dalam Bahagian B*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*
7. *Sekiranya anda hendak memukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan*


Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan unit-unit dalam ekonomi.



FIRMA



KERAJAAN

Gambar 1

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit-unit ekonomi tersebut.

[10 markah]

- (b) Gambar 2 di bawah menunjukkan perbualan antara Lufti dan Aizah .



Gambar 2

Berdasarkan perbualan di atas, bezakan masalah asas ekonomi yang dihadapi oleh negara tersebut.

[8 markah]

- (c) Terangkan empat jenis pendapatan individu.

[7 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut tentang pendapatan, pendapatan boleh cukai dan potongan wajib Encik Kamal dalam tempoh setahun.

Pendapatan	RM 48 000.00
Pendapatan boleh cukai	RM 33 000.00
Zakat	RM 600.00
KWSP	10 %
PERKESO	RM 240.00

Kadar cukai yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Pendapatan Boleh Cukai (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai (RM)
RM5 000 yang pertama	0	0
RM10 000 yang berikutnya	1	100
RM15 000 yang pertama	-	100
RM15 000 yang berikutnya	3	450
RM30 000 yang pertama	-	550
RM20 000 yang berikutnya	5	1000

- Hitung pendapatan boleh guna Encik Kamal. [9 markah]
- (b) Jelaskan empat kepentingan belanjawan peribadi. [4 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan iklan jawatan kosong sebuah syarikat.

IKLAN JAWATAN KOSONG: Pegawai Akaun
 Syarat-syarat yang diperlukan
 Diploma perakaunan
 Pengalaman bekerja 2 tahun


Kelebihan bekerja di syarikat kami
 Gaji RM1 900
 Perubatan percuma
 Eloun kerja lebih masa

Hantarkan permohonan anda ke alamat
 Syarikat DANISH PELANGI INDAH SDN BHD
 No 119 Jalan Belibis, Tmn Sejahtera, Johor bahru

- Terangkan tiga faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan sebagai Pegawai Akaun tersebut? [6 markah]

- (d) Nyatakan tujuan individu membuat:
- (i) tabungan [3 markah]
- (ii) pelaburan [3 markah]

- 3 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran Firma Haina.



Rajah 1

Huraikan empat faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran S_0 ke S_1 . [8 markah]


- (b) Jadual 1 menunjukkan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos purata dan kos sut.

Jumlah Keluaran (Unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Sut (RM)
0	30	-	-
1	48	48	18
2	58	X	10
3	72	24	Y
4	100	25	28
5	Z	26	30
6	162	27	32

Jadual 1

- (i) Berapakah nilai X, Y dan Z. [3 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos purata. [3 markah]

- (c) Bezakan ciri kos tetap dan kos berubah. [6 markah]
- (d) Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran firma W dan Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran Firma Z.



Lukis dan terangkan keluk penawaran pasaran di atas kertas graf dengan menggunakan skala 2cm : RM10 pada paksi harga dan 2cm : 10 unit pada paksi kuantiti. [5 markah]

- 4 (a) Nyatakan empat ciri wang yang baik. [4 markah]
- (b) Jelaskan dua kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut merujuk kepada situasi ekonomi sebuah negara.

Kenaikan harga petrol menyebabkan berlaku kenaikan harga barang keperluan secara berterusan

- (i) Jelaskan situasi ekonomi tersebut. [1 markah]
- (ii) Huraikan tiga cara bagaimana bank pusat mengawal situasi ekonomi negara tersebut. [10 markah]
- (d) Jelaskan kesan pergantungan ekonomi Malaysia terhadap sektor utama dari aspek
- (i) Ketidakstabilan pendapatan negara. [3 markah]
- (ii) Kesan negatif gunatenaga. [3 markah]
- 5 (a) Terangkan empat kebaikan perdagangan antarabangsa. [8 markah]
- (b) (i) Terangkan maksud perbelanjaan mengurus. [2 markah]
- (ii) Huraikan jenis-jenis perbelanjaan mengurus. [8 markah]
- (c) Jadual 2 menunjukkan maklumat imbalan pembayaran Malaysia dalam tempoh setahun.

Butiran	RM (juta)
Perjalanan	70
Eksport kayu balak	600
Tambang dan insurans	-590
Import kereta	400
Pindahan bersih	-70
Import jentera	300
Pengangkutan	-40
Eksport sawit	500
Pelancongan	-100
Dividen	-50

Jadual 2

Hitungkan imbalan akaun semasa.

[7 markah]

BAHAGIAN B**[25 markah]***Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Encik Ahmad adalah seorang lulusan dari Universiti Malaya. Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif di Bank Teras Berhad selama 14 tahun mulai tahun 1994.

Pada tahun 2010 beliau telah meletak jawatan untuk membantu perniagaan bapanya yang semakin merosot. Keluarga Encik Ahmad memiliki sebuah kilang yang menghasilkan dua jenis barang iaitu Barang R dan Barang S dengan keanjalan harga permintaan masing-masing bernilai 1.4 dan 0.8. Latihan dan kursus telah dijalankan dalam kalangan pekerja yang bertujuan untuk memantapkan modal insan.

Bagi menambahkan output, Encik Ahmad mengambil keputusan menggantikan empat unit mesin yang telah uzur dengan mesin yang baru. Beliau telah memesan empat unit mesin dari Amerika Syarikat dengan harga USD2 000 seunit. Pada ketika ini kadar pertukaran asing ialah USD1.00 = RM3.30.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Berdasarkan ilmu ekonomi yang anda pelajari, jelaskan kaedah pengeluaran yang sesuai dijalankan bagi mengeluarkan barang R dan barang S. [4 markah]
- (b) Adakah anda bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh Encik Ahmad untuk menambah hasil jualan? Berikan alasan anda. [5 markah]
- (c) (i) Wajarkah Encik Ahmad meningkatkan kualiti produknya. Berikan tiga alasan anda. [4 markah]
- (ii) Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Ahmad dalam sebutan Ringgit Malaysia. [2 markah]
- (iii) Jelaskan kesan terhadap imbalan dagangan Malaysia, jika kadar pertukaran asing berubah kepada USD1.00 = RM3.40. [6 markah]
- (d) Huraikan dua langkah yang perlu diambil oleh Encik Ahmad untuk menambahkan hasil jualannya. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT